IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi **kekosongan jawatan bertaraf Tetap di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP)** seperti berikut :

Jawatan dan Gred	**Taraf Jawatan**	**Klasifikasi Perkhidmatan**	**Kumpulan Perkhidmatan**	**Jadual Gaji** **Minimum – Maksimum**
Penolong Pustakawan Gred S5	Tetap	Sosial	Pelaksana	RM1,650.00-RM6,620.00
Pembantu Pustakawan Gred S1	Tetap	Sosial	Pelaksana	RM1,500.00-RM4,680.00
Pembantu Khidmat Am Gred H1	Tetap	Kemahiran	Pelaksana	RM1,500.00-RM4,680.00

1. Syarat Umum :

   i. Warganegara Malaysia

   ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   iii. Anak Pahang dan pemegang kad pengenalan kod Negeri Pahang 06,32 atau 33 dan surat pemastautin sekurang-kurangnya 10 tahun bagi anak bukan kelahiran Negeri Pahang. (Surat pemastautin hendaklah dikeluarkan oleh Penghulu Mukim).

2. Syarat Lantikan :

Penolong Pustakawan Gred S5

Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

iv. Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,893.00).

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab melaksana program dan mengendalikan pembangunan sumber maklumat, dokumentasi dan pengurusan maklumat, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, pemeliharaan dan keselamatan sumber maklumat dan melaksana aplikasi ICT di perpustakaan.

Pembantu Pustakawan Gred S1

Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00); atau

ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00); atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,561.00); atau

iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,622.00).

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas

Membantu dalam menjalankan operasi harian perpustakaan seperti pengurusan koleksi buku, penyusunan buku di rak, pengendalian peminjaman dan pengembalian bahan pustaka @ bahan perpustakaan dan pengendalian aktiviti gerakan membaca.

Pembantu Khidmat Am Gred H1

Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).
Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Syarat Tambahan	:	Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E yangdikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan.
Deskripsi Tugas		Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas berkenaan pengurusan dokumen dan memberi sokongan operasi serta memastikan pengurusan pejabat agar berjalan dengan lancar Bertanggungjawab bagi urusan pemanduan dan penyelenggaraan semua jenis kenderaan jabatan.

3. Cara Memohon:

1) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Jawatan** yang boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang di laman sesawang **https://www.pahanglibrary.gov.my** ;

2) Hanya satu borang permohonan sahaja yang dibenarkan bagi satu jawatan yang dipohon;

3) Permohonan hendaklah disertakan bersama *resume*, sekeping gambar berukuran passport, Salinan Kad Pengenalan, Sijil Berhenti Sekolah, Sijil Kelahiran, Sijil SPM, Diploma, Ijazah dan lain-lain sijil yang berkaitan (setiap salinan dokumen hendaklah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional ke atas atau penghulu Mukim atau Guru Besar/ Pengetua).

4) Permohonan yang lewat diterima, tanpa *resume*, tanpa gambar dan tanpa dokumen-dokumen lengkap serta tidak mengikuti syarat/peraturan akan **DITOLAK** ;

5) Permohonan secara serahan tangan atau melalui pos boleh dihantar ke alamat seperti berikut :

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Jalan Kemunting
25100 Kuantan.
(U.P : Bahagian Khidmat Pengurusan)

No. Tel : 09-5155050

TARIKH TUTUP IKLAN : 14 NOVEMBER 2026 (Jam : 5:00 petang)

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di Portal
Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (https://www.pahanglibrary.gov.my)